

## **2.5 Faktor Individu**

Meninjau dari aspek psikologi, zaman remaja ialah satu masa yang amat kompleks. Para remaja sering menumpukan perhatian kepada perkara seperti ketidakpuasan, kesedihan, dan perasaan yang sukar difahami oleh orang lain. Remaja juga sering dikatakan sebagai zaman yang banyak menimbulkan tekanan jiwa kepada individu. Namun, tempoh ini juga dilihat sebagai zaman kegemilangan perkembangan identiti diri seseorang individu. Ramai ahli psikologi menumpukan perhatian terhadap perkembangan identiti semasa remaja kerana perubahan biologi, kognitif, dan sosial seseorang individu berlaku secara optima pada peringkat ini.

Kandel dan Mednick (1991) berpendapat bahawa pada peringkat remaja, berbagai-bagai perkembangan dan perubahan berlaku, terutama dari segi fizikal dan mental. Mereka sering mengalami rasa tidak selesa kerana terpaksa memenuhi keperluan diri dan jangkaan komuniti atau keperluan masyarakat.

Menurut Hassan (1996), zaman pada awal remaja merupakan zaman peralihan alam kanak-kanak ke dewasa, yang melibatkan perubahan fizikal dan fisiologi. Jika kanak-kanak gagal menyesuaikan diri dengan perubahan yang melibatkan alam remaja, maka pelbagai masalah kekosongan jiwa serta tingkahlaku penyelewengan akan berlaku seperti buli, gengsterisme, dan melepak.

Menurut Mohd Salleh (1999), kegiatan masa lapang remaja mestilah dipenuhi dengan aktiviti yang berfaedah supaya remaja tidak mudah berasa bosan. Kegiatan masa lapang tersebut mestilah sesuai dengan usia remaja. Dengan ini pemikiran remaja akan menjadi lebih matang dan bertanggungjawab seperti cara kehidupan seseorang dewasa.